

**SEJARAH**

**KERTAS 1**

**1249/1**

**OGOS**

**1 jam**

**Satu jam**

---

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

**TINGKATAN 5**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

- 1. Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan*
- 2. Jawab semua soalan*
- 3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C, dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang telah disediakan.*
- 4. Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*

---

Kertas soalan ini mengandungi **18** halaman bercetak.

- 1 Dalam karyanya Muqaddimah, Ibn Khaldun menekankan ciri kehidupan bandar yang bertamadun.

Apakah ciri kehidupan tersebut ?

- A Ketinggian moral
- B Kemajuan ekonomi
- C Kesejahteraan hidup
- D Kebebasan beragama

- 2 Masyarakat Indus telah menjalankan hubungan perdagangan dengan masyarakat Mesopotamia.

Apakah bukti arkeologi yang menyokong pernyataan di atas ?

- A Gendang gangsa
- B Tembikar tanah
- C Batu Bersurat
- D Cap mohor

- 3 Mengapakah negara kota Athens dan Corinth memberi tumpuan kepada aktiviti perdagangan?

- A Ketidaksesuaian tanah untuk pertanian
- B Kekurangan punca air untuk sumber pengairan
- C Perkembangan dalam bidang pembuatan kapal
- D Ramai tenaga mahir dalam bidang perdagangan

- 4 Mengapakah dua orang konsul dilantik mengetuai pentadbiran dalam sistem republik Rom?
- A Menyekat pengaruh gereja  
B Mengimbangi kuasa pemerintah  
C Memperkuuh kedudukan pemerintah  
D Mengelakkan penjajahan kuasa asing
- 5 Dalam kerajaan awal Asia Tenggara, rakyat biasa takut untuk menderhaka kepada raja. Mengapakah mereka bersikap demikian?
- A Raja menguasai empayar  
B Raja menjadi ketua pendeta  
C Raja adalah bayangan tuhan  
D Raja memiliki kekuatan tentera
- 6 Gambar berikut menunjukkan candi Angkor Wat di Kemboja.



Mengapakah kerajaan Angkor membina candi tersebut ?

- A Menjadi pusat pentadbiran  
B Sebagai pusat kegiatan perdagangan  
C Lambang penguasaan alam semesta  
D Memperkuuhkan sistem pertahanan negara

7 Setelah menerima wahyu yang kedua Nabi Muhammad SAW mula merancang untuk menyebarkan Islam.

Apakah strategi yang digunakan oleh baginda untuk menyebarkan ajaran Islam?

- A Memperbaiki sistem pentadbiran
- B Membetulkan akidah masyarakat
- C Meningkatkan ekonomi ummah
- D Memperkasa sistem kabilah

8

Pemimpin 1 : Kita perlu menentang Muhammad habis-habisan kerana dia menggugat kedudukan kita sebagai pemimpin.

Pemimpin 2 : Ya, tambahan pula ajarannya bertentangan dengan amalan nenek moyang kita.

Dialog di atas mungkin berlaku di antara pemimpin Quraisy di Makkah.

Apakah kesannya terhadap Nabi Muhammad SAW?

- A Penyebaran Islam tersekat
- B Perjanjian damai tersekat
- C Penghijrahan baginda ke Habsyah
- D Pemulauan terhadap keluarga baginda

9 Apakah kepentingan Piagam Madinah yang dirangka oleh Nabi Muhammad SAW pada tahun 622 Masihi ?

- A Melindungi tradisi masyarakat Arab
- B Menamatkan permusuhan dengan raja
- C Memberi panduan pemerintahan negara
- D Menyediakan strategi menghadapi ancaman Quraisy Makkah

- 10 Selepas dua tahun Perjanjian Hudaibiah dimeterai, orang Quraisy Makkah mencabuli perjanjian tersebut dengan menyokong Bani Bakar yang berperang dengan Bani Khuza'ah.
- Apakah kesan daripada pencabulan tersebut ?
- A Penyebaran Islam tergendala
- B Pembukaan semula kota Makkah
- C Penduduk Madinah semakin terancam
- D Penghijrahan Nabi Muhammad SAW terhalang
- 11 Pada zaman pemerintahan Khulafa al-Rasyidin, seseorang khalifah dilantik melalui sistem syura.
- Apakah kebaikan sistem tersebut ?
- A Meneruskan tradisi masyarakat Arab
- B Mendapat sokongan orang bukan Islam
- C Menjamin kesinambungan pemerintahan
- D Menjamin pemilihan pemimpin berkelayakan
- 12 Dasar sosial Islam yang diamalkan kerajaan Turki Uthmaniyah telah menarik minat orang Kristian di Eropah untuk memeluk Islam.
- Apakah aspek yang ditekankan dalam dasar tersebut ?
- A Jurai keturunan
- B Warisan bangsa
- C Pengumpulan kekayaan
- D Kecemerlangan individu

13 Tokoh berikut membincangkan tentang kedatangan Islam ke Asia Tenggara.

- John Crawford
- Emanuel Godinho Eredia
- Snock Hurgronje

Mengapakah mereka berpendapat perdagangan merupakan faktor penting kedatangan Islam ke Asia Tenggara?

- A Pelabuhan menjadi tumpuan pedagang
- B Penglibatan raja dalam perdagangan
- C Syahbandar mengawal perdagangan
- D Cukai perdagangan berpatutan
- 14 Bagaimakah pertapakan Islam di Brunei menyebabkan pengislaman wilayah di sekitarnya seperti Kepulauan Sulu dan Mindanao?
- A Pendidikan dipergiat
- B Perdagangan diperluas
- C Kekuatan empayar dipertingkat
- D Hubungan dengan China diperkuat

15 Jadual berikut menunjukkan gelaran yang digunakan di Tanah Melayu setelah kedatangan Islam.

Zillullah fil-alam	Bayangan Allah di muka bumi
Khalifatul Mukminin	Pemimpin orang mukmin

Mengapakah gelaran tersebut digunakan?

- A Mengkalkan warisan tradisi bangsa Melayu
- B Melambangkan kekuatan pengaruh raja
- C Mengesahkan kewibawaan pemerintah
- D Memelihara penduduk tempatan

16 Mengapakah institusi baitulmal diperkenalkan oleh Kesultanan Melayu Melaka ?

- A Menguruskan harta kerajaan
- B Mengendalikan adat istiadat istana
- C Menetapkan kadar cukai pedagang
- D Menentukan bidang tugas pembesar

17 Portugal dan Sepanyol bersaing untuk mendapatkan tanah jajahan.  
Bagaimanakah persaingan tersebut dapat diselesaikan?

- A Membayar wang pampasan
- B Mengadakan pungutan suara
- C Penggunaan kekuatan tentera
- D Penetapan sempadan pengaruh

18 Apakah sumbangan Revolusi Pertanian kepada Revolusi Perindustrian di Britain pada abad ke-18?

- I     Menyediakan sumber modal
  - II    Menyediakan bahan makanan
  - III   Menyediakan keperluan alat ganti
  - IV    Menyediakan sistem pengangkutan
- 
- A    I dan II
  - B    I dan IV
  - C    II dan III
  - D    III dan IV

19 Apakah sumbangan Henry N. Ridley terhadap perusahaan getah ?

- A    Memberi subsidi baja
- B    Membawa masuk imigran luar
- C    Mengagih benih secara percuma
- D    Memajak tanah peribumi untuk penanaman

20 Mengapakah sistem pendidikan pada zaman penjajah gagal menyatupadukan kaum di Tanah Melayu ?

- A    Penubuhan sekolah Inggeris
- B    Pengaruh golongan mualigh
- C    Pengamalan asuhan keluarga
- D    Perkembangan sekolah vernakular

21 Mengapakah negara berikut menjadi sasaran imperialisme Barat pada abad ke-19?

- China
- India

- A Pasaran keluaran kilang Barat
- B Kekayaan bahan mentah
- C Pelabuhan perdagangan
- D Tanah yang subur

22 British telah memperkenalkan jawatan berikut di Tanah Melayu pada abad ke 19 dan awal abad ke 20 untuk menasihati sultan dalam pentadbiran.

Apakah jawatan tersebut?

- I Residen
- II Residen Jeneral
- III Gabenor Jeneral
- IV Penasihat British

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

23 Mengapakah corak gerakan nasionalisme di Asia Tenggara berubah daripada sederhana kepada radikal ?

- A Sekatan pengaruh luar
- B Perjuangan tidak berkesan
- C Kekurangan sumber kewangan
- D Sokongan pemerintah tempatan

24

<b>Tarikh</b>	<b>Peristiwa</b>
21 Julai 1875	Mesyuarat antara Dato Maharaja Lela dengan pembesar-pembesar Melayu di Durian Sebatang

Peristiwa di atas berlaku di negeri Perak.

Apakah kesan peristiwa tersebut?

- A Pemecatan sultan Ismail
- B Pengurangan kuasa sultan
- C Pembunuhan J.W.W.Birch
- D Pemansuhan jawatan Residen

25 Apakah idea yang diketengahkan oleh Kaum Muda pada awal abad ke-20?

- A Pemeliharaan tradisi bangsa
- B Penubuhan syarikat kerjasama
- C Pembentukan negara yang merdeka
- D Penjanaan ajaran Islam untuk kemajuan

26 Mengapakah negara bangsa yang wujud pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka sangat digeruni oleh kerajaan lain di Kepulauan Melayu?

- A Kelengkapan tentera yang moden
- B Pembentukan empayar yang luas
- C Pembesar negeri yang berwibawa
- D Kemewahan ekonomi yang dimiliki


27 Senarai berikut adalah undang-undang tubuh kerajaan Melayu.

- Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895
- Undang-Undang Tubuh Kerajaan Terengganu 1911

Mengapakah undang-undang tersebut digubal ?

- A Mengelakkan kedaulatan negeri
- B Membentuk pentadbiran demokratik
- C Memperkuatkan sistem pertahanan
- D Meningkatkan kecekapan pemerintah

28 Rajah di bawah berkaitan dengan asas kerakyatan Malayan Union pada tahun 1946.



Apakah kesan pelaksanaan asas kerakyatan tersebut?

- A Perkembangan ekonomi luar bandar
- B Pengukuhan kuasa pembesar tempatan
- C Pengurangan jumlah penduduk pribumi
- D Perpaduan dalam kalangan rakyat terjejas
- 29 Apakah kesan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 terhadap sistem pemerintahan beraja di Tanah Melayu ?
- A Pengenalan sistem Raja Berperlembagaan
- B Penyelarasan sistem pewarisan takhta
- C Pelaksanaan sistem penasihat
- D Penubuhan Majlis Raja-Raja

30 Antara yang berikut, manakah jenis kerakyatan yang telah diterima dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 ?

- I Melalui permohonan
- II Kuat kuasa undang-undang
- III Perkenan Raja-Raja Melayu
- IV Kelulusan Dewan Undangan Negeri

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

31 Maklumat berikut berkaitan dengan rundingan yang dilakukan sebelum kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

<b>Tarikh</b>	<b>Rundingan</b>
18 Januari – 8 Februari 1956	Rundingan London

Apakah persetujuan yang dicapai dalam rundingan tersebut?

- A Penubuhan Jawatankuasa Antara Kaum
- B Penetapan syarat mendapatkan kerakyatan
- C Pembentukan suruhanjaya bebas mengkaji perlembagaan
- D Pelaksanaan pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan

32 Pada bulan September 1965, Jeneral Soeharto telah menggulingkan Presiden Soekarno di Indonesia.

Apakah kesan tindakan tersebut terhadap Malaysia?

- A Hubungan luar terhad
- B Dasar konfrantasi tamat
- C Kedaulatan negara tergugat
- D Golongan radikal memberontak


33 Rajah di bawah menunjukkan dua corak pemerintahan negara demokrasi

Negara Demokrasi	
Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan	Sistem Republik

Apakah persamaan sistem pemerintahan tersebut?

- A Perdana Menteri berkuasa membubarkan parlimen
- B Pentadbiran dijalankan oleh golongan pembesar
- C Pilihan raya diadakan untuk memilih pemimpin
- D Dewan Perhimpunan bersidang dua kali setahun

34 Rajah berikut merujuk bidang kuasa kerajaan Persekutuan.



Apakah X ?

- A Pelajaran
  - B Perhutanan
  - C Hiburan awam
  - D Perancangan bandar
- 35 Gambar di bawah menunjukkan Jata Negara, Negara kita, Malaysia.



Mengapakah jata tersebut penting kepada negara dan bangsa Malaysia?


- I Memperkuuh perpaduan rakyat
  - II Melambangkan kemajuan ekonomi
  - III Mempertahan semangat kenegerian
  - IV Melahirkan rakyat bersemangat waja
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 36 Dalam mencapai matlamat Dasar Pertanian Negara kerajaan memperkenalkan program pembangunan In Situ.

Bagaimanakah program ini dilaksanakan?

- A Melahirkan golongan generasi muda yang berminat menyertai bidang pertanian
- B Membawa masuk tenaga pakar luar negara untuk majukan pertanian
- C Meningkatkan kelahiran golongan petani moden
- D Memulihkan kawasan berproduktiviti rendah

37



X dalam rajah di atas merujuk kepada

- A Jawatankuasa Kabinet
- B Majlis Gerakan Negara
- C Majlis Angkatan Tentera
- D Jawatankuasa Antara Kerajaan

38 Perang Dunia Kedua telah membawa kepada kemunculan blok dunia dan Perang Dingin.

Apakah maksud Perang Dingin?

- A Perang antara kuasa lemah dengan kuasa besar
- B Perang perdagangan untuk menguasai ekonomi dunia
- C Perang yang berlaku sepanjang musim sejuk di Eropah
- D Perang kerana ideologi dan fahaman politik yang berbeza

39 Jadual berikut berkaitan dengan Dasar Luar Malaysia Tahap 1.

<b>Dasar Luar Malaysia</b>
Tahap 1 ( 1957 – 1970 )
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dasar Pro- Barat</li> <li>• Dasar berbaik-baik dengan negara jiran dan tentera Komanwel</li> </ul>

Mengapa Malaysia mengamalkan dasar tersebut ?

- I Keperluan pasaran
- II Sikap diskriminasi
- III Persamaan ideologi
- IV Ancaman keselamatan

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

40 Jadual di bawah berkaitan dengan Pertubuhan Persidangan Islam ( OIC )

<b>Tahun</b>	2002
<b>Tempat</b>	Kuala Lumpur
<b>Peristiwa</b>	Persidangan Luar Biasa Menteri-Menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam ( OIC)

Apakah isu yang diketengahkan dalam persidangan tersebut ?

- A Mewujudkan kerjasama ketenteraan
- B Memerangi penyalahgunaan dadah
- C Memulihara alam sekitar
- D Menentang keganasan

**KERTAS SOALAN TAMAT**